

MENGAPA HFAD BERGUNA?

La memberikan amaran awal kebakaran kepada penghuni-penghuni supaya mereka boleh mengambil tindakan segera untuk memadamkan kebakaran atau menyelamatkan diri sebelum api merebak.


ADAKAH PEMASANGAN HFAD WAJIB DI KEDIAMAN?

Pemasangan HFAD adalah wajib untuk kediaman - kediaman baru dan kediaman - kediaman yang sedia ada yang melakukan kerja-kerja keselamatan kebakaran (contohnya pemasangan pintu api atau bumbung di atas balkoni terbuka), dengan pelan bangunan diserahkan kepada SCDF/BCA/HDB pada/selepas 1 Jun 2018.

Kos pemasangan HFAD akan ditanggung oleh pemaju bangunan (untuk kediaman baru) dan pemilik (untuk kediaman sedia ada yang melakukan kerja-kerja keselamatan kebakaran).


✗ KEDIAMAN LAMA

✓ KEDIAMAN BARU



Walaupun pemasangan HFAD tidak wajib untuk kediaman - kediaman sedia ada yang tidak melakukan kerja-kerja keselamatan kebakaran, semua pemilik kediaman digalakkan untuk memasang alat ini bagi meningkatkan keselamatan kebakaran.

CIRI-CIRI WAJIB HFAD



Mematuhi piawaian EN 14604, AS 3786 atau UL 217

HFAD yang disambung tanpa wayar mesti mematuhi Spesifikasi Teknikal IMDA untuk Alat Julat Dekat

APA YANG PATUT DILAKUKAN APABILA HFAD MEMBUNYIKAN PENGGERA?

Tentukan kewujudan asap atau api di dalam rumah. Apabila api dikesan, padamkannya jika ia selamat untuk berbuat demikian. Jika api terlalu besar, selamatkan diri anda dan orang lain dan hubungi 995.

BAGAIMANA SAYA MEMASTIKAN HFAD SAYA DISELENGGARA DENGAN BAIK?

Pemilik dan penghuni kediaman bertanggungjawab untuk menyelenggara HFAD.

	Ikut garis panduan pengilang.
	Tekan butang 'Uji' untuk memastikan bahawa HFAD berfungsi. Lakukannya sekurang-kurangnya sebulan sekali.
	SCDF mengesyorkan penggunaan HFAD dengan bateri terbina dalam yang mempunyai rentangan hayat selama 10 tahun. Oleh itu, anda tidak perlu untuk menukar bateri sehingga HFAD itu perlu digantikan pada penghujung hayat atau apabila lampu atau bunyi penunjuk bateri lemah diaktifkan.

BAGAIMANA SAYA BOLEH MEMBELI DAN MEMASANG HFAD?

Anda boleh menghubungi peruncit/pembekal yang berurusan dengan pemasangan sistem keselamatan kebakaran.

Senarai peruncit dan pembekal HFAD boleh ditemui di laman SCDF (www.scdf.gov.sg/files/HFAD).

Untuk mengetahui lebih lanjut:



Sila lungsuri laman SCDF:
www.scdf.gov.sg/HFAD



Hubungi SCDF: 1800 286 5555
atau 6848 1730

Sebuah Projek Komuniti oleh:



Disokong Oleh:



HOME FIRE ALARM DEVICE

HFAD

APAKAH ALAT PENGGERA KEBAKARAN KEDIAMAN?

HFAD ialah pengesan asap atau haba automatik yang memberikan amaran awal kebakaran dengan membunyikan penggera untuk memaklumkan penghuni. Pengesan asap adalah lebih berkesan dalam memberikan amaran awal kebakaran berbanding dengan pengesan haba. Oleh itu ia disyorkan untuk perlindungan utama kediaman.

DI MANA SAYA HARUS MEMASANG HFAD?

HFAD harus dipasang di atas siling sepanjang laluan keluar di dalam rumah (contohnya ruang tamu, koridor dalaman, landasan tangga). HFAD tambahan juga boleh dipasang di dalam bilik tidur atau ruang lain untuk perlindungan tambahan.

Jika beberapa HFAD dipasang dalam sebuah unit, ia harus saling bersambung (sama ada berwayar atau tanpa wayar) supaya apabila HFAD dicituskan, semua HFAD yang bersambung akan membunyikan penggera.

BAGAIMANA SAYA MENCEGAH PENGGERA PALSU?

Elak daripada menghalakan asap berdekatan dengan HFAD kerana tindakan ini boleh mencetuskan pengesan.

Sebagai contoh, HFAD tidak sepatutnya dipasang di dapur dan tandas.

Jika ia amaran palsu, set semula alat dengan menekan butang Uji/Set semula. Jika kerosakan berterusan, sila hubungi pembekal HFAD anda.

BERAPA BANYAK HFAD DIPERLUKAN?

JENIS KEDIAMAN KEDIAMAN SETINGKAT:

Flat HDB
Pangsapuri/
Kondominium
Kediaman bertanah setingkat

BILANGAN DAN LOKASI PENGESAN

- Sekurang-kurangnya 1 pengesan asap
- Dipasang sepanjang kawasan peredaran*/laluan keluar, contohnya ruang tamu, koridor.
- Pilihan: Pengesan tambahan boleh dipasang di ruang lain untuk perlindungan tambahan.


KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT:

Kediaman bertanah/berstrata
Flat HDB
Pangsapuri/
Kondominium

- Sekurang-kurangnya 1 pengesan asap bagi setiap tingkat
- Bagi tingkat dengan kawasan peredaran > 70m², sekurang-kurangnya 2 pengesan asap perlu dipasang di tingkat tersebut.
- Dipasang sepanjang kawasan peredaran/laluan keluar contohnya ruang tamu, koridor dan/atau landasan tangga.
- Pilihan: Pengesan tambahan boleh dipasang di ruang lain untuk perlindungan tambahan.

Untuk mengetahui lebih lanjut, sila lungsur laman SCDF: www.scdf.gov.sg/HFAD


*Kawasan peredaran merujuk kepada kawasan umum misalnya ruang tamu, koridor, tempat makan atau tetangga. Ia tidak termasuk ruang seperti bilik tidur, bilik stor atau bilik mandi.



CONTOH KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT

Di mana kawasan peredaran di tingkat itu < 70m²

Di mana kawasan peredaran di tingkat itu > 70m²



KETERANGAN

● Lokasi-lokasi HFAD yang disyorkan